

Tinjauan Literatur Pelaksanaan Wakaf *Zurri*

[A Literature Review on the Implementation of Waqf *Zurri*]

BITARA

Volume 8, Issue 4, 2025: 358-366
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 24 September 2025
Accepted: 24 Oktober 2025
Published: 12 November 2025

Fatini Razali,^{1*} Salmi Edawati Yaacob^{1,2*} & Azlin Alisa Ahmad¹

1 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

E-mail: p144765@siswa.ukm.edu.my; salmy1001@ukm.edu.my; azlinalisa@ukm.edu.my.

2 Institut Islam Hadhari (HADHARI), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding Author: salmy1001@ukm.edu.my

Abstrak

Wakaf *zurri* merupakan salah satu instrumen ekonomi Islam yang berperanan mengekalkan pemilikan harta dalam kalangan waris pewakaf serta menyokong kestabilan sosioekonomi keluarga. Namun, pelaksanaannya di Malaysia masih berdepan pelbagai kekangan, terutamanya dalam aspek perundangan, tadbir urus dan kesedaran masyarakat. Artikel ini bertujuan untuk menelusuri isu-isu berkaitan pelaksanaan dan perundangan wakaf *zurri* melalui pendekatan sorotan literatur. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan secara kualitatif terhadap sumber primer dan sekunder seperti jurnal akademik, buku, laporan rasmi, tesis serta dokumen perundangan berkaitan. Analisis tematik telah dijalankan untuk mengenal pasti isu utama dan cadangan penambahbaikan dalam pelaksanaan wakaf *zurri* di Malaysia. Dapatan menunjukkan bahawa pelaksanaan masih terbatas dari segi piawaian undang-undang, pengurusan aset dan pelaporan. Walau bagaimanapun, pelbagai pendekatan telah dikemukakan seperti model yayasan keluarga, kaedah *istibdal* serta kerjasama antara MAIN dan sektor swasta. Pengalaman pengurusan di Singapura menunjukkan bahawa pengurusan berpusat dan sistem pelaporan yang ketat dapat meningkatkan kecekapan pelaksanaan. Justeru, pelaksanaan wakaf *zurri* secara sistematik dan berpandukan prinsip syariah berpotensi menjadi instrumen pembangunan sosioekonomi yang berkesan dan berdaya tahan.

Kata kunci: wakaf *zurri*, tadbir urus, maqasid syariah, pembangunan sosioekonomi, pengurusan harta

Abstract

Wakaf *zurri* is a distinctive instrument of the Islamic economic system that functions to preserve asset ownership within the donor's lineage while contributing to the socio-economic stability of the family unit. In Malaysia, however, its implementation continues to face notable challenges, particularly in the areas of legal frameworks, governance structures, and public awareness. This article examines the key issues surrounding the implementation and legal provisions of wakaf *zurri* through a literature review approach. The study adopts a qualitative content analysis of primary and secondary sources, including academic journals, books, official reports, theses, and relevant legal documents. Thematic analysis is applied to identify the principal challenges and to outline potential strategies for improvement. The findings reveal that current implementation remains constrained by the absence of standardised legal provisions, inconsistencies in asset management practices, and limited reporting mechanisms. Nevertheless, several strategies have been proposed, such as the adoption of the family foundation model, the application of *istibdal* (asset substitution), and enhanced collaboration between State Islamic Religious Councils (SIRC) and the private sector. Insights from Singapore's waqf management experience suggest that centralised administration coupled with rigorous reporting systems can significantly improve operational efficiency. Accordingly, the structured and shariah-

compliant implementation of wakaf *zurri* holds substantial potential as a sustainable instrument for advancing socio-economic development.

Keywords: waqf *zurri*, governance, maqasid shariah, socioeconomic development, wealth management



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Fatini Razali, Salmi Edawati Yaacob & Azlin Alisa Ahmad. (2025). Tinjauan Literatur Pelaksanaan Wakaf *Zurri* [A Literature Review on the Implementation of Waqf *Zurri*]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(4): 358-366.

Pengenalan

Transformasi pengurusan harta dalam Islam semakin menuntut kepada integrasi nilai tradisi dengan keperluan semasa. Dalam konteks ini, wakaf *zurri* muncul sebagai satu bentuk inovasi dalam rangka sistem harta Islam, yang bukan sahaja berfungsi sebagai alat kebajikan tetapi turut menawarkan kesinambungan kesejahteraan kepada institusi keluarga. Berbeza dengan instrumen warisan seperti faraid, hibah atau wasiat yang berasaskan pembahagian aset selepas kematian, wakaf *zurri* memberi tumpuan kepada kelangsungan manfaat aset secara terancang dan kekal, bermula daripada pewakaf kepada zuriat dan seterusnya kepada masyarakat umum. Dimensi ini meletakkan wakaf *zurri* sebagai instrumen unik yang menggabungkan nilai spiritual, tanggungjawab sosial dan perancangan ekonomi keluarga jangka panjang (Sri Wahyu Sakina et al. 2021; Muhammad Hamizan et al. 2024).

Namun, meskipun wujud kesedaran terhadap kepentingan institusi wakaf secara umum, perhatian terhadap wakaf *zurri* sebagai satu bentuk khas masih terbatas dalam bidang penyelidikan dan amalan institusi. Perbahasan ilmiah menunjukkan pelbagai perspektif terhadap fungsi, status undang-undang dan model pentadbiran wakaf *zurri*, namun belum membentuk satu struktur amalan yang kukuh dan menyeluruh di peringkat nasional (Mohd Zaidi et al. 2023; Nor Asiah 2018). Hal ini menimbulkan persoalan penting tentang bagaimana wakaf *zurri* sedang ditafsirkan, dilaksanakan dan digembleng sebagai alat pembangunan kekeluargaan dan komuniti Muslim.

Seiring dengan keperluan mengukuhkan fungsi harta Islam yang lestari dan berimpak sosial, artikel ini disusun bagi menelusuri pelaksanaan wakaf *zurri* secara lebih sistematik melalui pendekatan sorotan literatur. Penumpuan diberikan terhadap isu pelaksanaan, amalan pentadbiran dan perundangan semasa, dengan tujuan menelusuri dapatan-dapatan utama dalam penulisan ilmiah terdahulu serta mencadangkan ruang penambahbaikan yang berasaskan analisis kandungan yang menyeluruh.

Sorotan Literatur

Konsep Wakaf *Zurri*

Wakaf *zurri* merujuk kepada wakaf yang ditujukan kepada ahli keluarga pewakaf sebagai penerima manfaat pertama, sebelum manfaat tersebut disalurkan kepada umum selepas ketiadaan mereka. Tujuannya adalah untuk menjamin kestabilan hidup keluarga agar tidak bergantung kepada pihak luar (Tjek Tanti 2013; Sri Wahyu Sakina et al. 2021). Dari aspek pelaksanaan, rukun dan syarat wakaf *zurri* hampir menyamai wakaf *khairi*, kecuali dalam aspek *sighah*. Mazhab Syafi'iyah, Malikiyah dan sebahagian Hanabilah meletakkan *ijab* dan *qabul* sebagai rukun penting, berbeza dengan wakaf *khairi* yang memadai dengan *ijab* sahaja (Farhana Mohamad 2018; Muh. Arief Budiman 2022; Nor Asiah 2018).

Wakaf *zurri* merupakan instrumen penting dalam perancangan harta kekeluargaan berasaskan prinsip syariah, yang bukan sahaja menjamin manfaat jangka panjang kepada keturunan pewakaf tetapi juga berperanan mengelakkan harta terbengkalai dan mengukuhkan kedudukan ekonomi keluarga (Sri Wahyu Sakina et al. 2023; Mohd Ridzuan et al. 2020; Muhammad Hamizan et al. 2024). Aset wakaf ini tidak boleh dijual atau dipindah milik, menjadikannya berbeza daripada instrumen warisan konvensional seperti faraid, hibah dan wasiat (Sri Wahyu Sakina et al. 2021). Dari sudut maqasid syariah, wakaf *zurri* selari dengan prinsip penjagaan harta dan keturunan (Jasni Sulong & Muhammad Syamir 2022; Nor Asiah 2018). Walaupun terdapat pandangan kritikal yang menyifatkan wakaf *zurri* sebagai helah mengelak hukum faraid (Murat Cizacka 2000), pandangan ini telah ditolak oleh Nor Asiah (2018) yang menegaskan bahawa pelaksanaannya adalah sah dan berasas dalam kerangka syariah.

Selain berfungsi dalam ruang keluarga, wakaf *zurri* juga mampu diperluas untuk manfaat sosial umum, contohnya melalui pembinaan hospital atau institusi sosial lain (Sri Wahyu Sakina et al. 2021). Mohd Zaidi et al. (2023) menyatakan bahawa walaupun istilahnya tidak digunakan secara spesifik pada zaman Rasulullah SAW, konsepnya telah wujud sebagai sebahagian daripada nilai Islam. Wakaf *zurri* menyerlah sebagai instrumen harta Islam yang mengimbangi kebajikan keluarga dan sumbangan kepada masyarakat secara berterusan.

Pelaksanaan Wakaf *Zurri* di Malaysia

Pelaksanaan wakaf *zurri* di Malaysia telah bermula sejak awal abad ke-20, dengan rekod amalan awal dicatatkan di Kelantan pada tahun 1921 dan sebanyak 26 lot tanah diiktiraf sebagai wakaf *zurri* di Terengganu. Pengurusan wakaf ini terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah, manakala dokumentasi dilakukan melalui Surat Cara Wakaf yang menjadi bukti rasmi pewakafan (Sri Wahyu Sakina et al. 2021). Beberapa negeri seperti Terengganu, Kelantan, Pulau Pinang dan Kedah telah melaksanakan wakaf *zurri* secara aktif (Muhammad Hamizan et al. 2023).

Di Terengganu, pelaksanaan dijalankan di bawah Enakmen Wakaf Terengganu 2016, dengan 12 kes wakaf *zurri* direkodkan sejak 1800. Namun, pelbagai isu timbul termasuk waris yang tidak dikenal pasti, surat ikrar wakaf sukar difahami dan pulangan manfaat yang rendah

(Mohd Ridzuan et al. 2020). Aset digunakan bagi tujuan pendidikan dan ekonomi melalui sewaan tanah dan perniagaan (Muhammad Hamizan et al. 2024). Di Kelantan pula, MAIK melaksanakan projek pembangunan bersama sektor swasta menggunakan kaedah *istibdal*. Sebagai contoh, kerjasama MAIK dengan syarikat Sentosa Jaya Development Sdn. Bhd. yang melaksanakan projek pembangunan rumah kedai, di mana beberapa unit diserahkan kepada MAIK dan hasil sewanya disalurkan kepada keturunan pewakaf (Muhammad Hamizan et al. 2024).

Walaupun pelaksanaannya aktif di beberapa negeri, wakaf *zurri* masih berdepan cabaran dari segi keseragaman prosedur dan tadbir urus. MAIN turut berhadapan dengan isu ketidakjujuran dalam pengurusan serta risiko penyalahgunaan aset, termasuk kemungkinan digunakan untuk pengelakan cukai (Sri Wahyu Sakina et al. 2021; Mohd Zaidi et al. 2023). Penambahbaikan dari segi prosedur pengurusan dan kerjasama strategik antara MAIN dan pihak berkepentingan amat diperlukan bagi memastikan wakaf *zurri* dapat dimanfaatkan sebagai instrumen sosial dan ekonomi yang berkesan.

Selain Malaysia, amalan wakaf *zurri* turut dilaksanakan di beberapa negara lain dengan pendekatan tersendiri, antaranya Singapura. Berdasarkan Seksyen 2 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (AMLA) 1966, wakaf di Singapura terbahagi kepada dua kategori, iaitu wakaf am bagi manfaat awam dan wakaf khas yang termasuk wakaf *zurri* yang diperuntukkan kepada individu tertentu seperti ahli keluarga. Pelaksanaan wakaf di Singapura dikawal oleh Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (AMLA) 1966, yang memperuntukkan bahawa semua wakaf mesti didaftarkan secara rasmi dengan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Proses pendaftaran mesti disertakan dengan dokumen atau maklumat lengkap mengenai aset dan tujuannya serta MUIS berhak menjalankan siasatan lanjut sebelum kelulusan diberikan. Kegagalan untuk mematuhi keperluan ini dianggap sebagai kesalahan jenayah yang boleh dikenakan denda maksimum \$5,000, penjara sehingga 12 bulan atau kedua-duanya. Penalti tambahan sebanyak \$50 sehari boleh dikenakan bagi kesalahan yang berterusan (Ulfa Pirmani et al. 2024; AMLA).

Selain pendaftaran, AMLA turut memperuntukkan kuasa kepada MUIS untuk mewajibkan pemegang amanah menyerahkan penyata kewangan tahunan serta mengenakan bayaran berkaitan pengurusan rekod. Penetapan keperluan ini membolehkan pengurusan wakaf, termasuk wakaf *zurri*, dikawal secara telus dan teratur, serta selaras dengan niat pewakaf. Sekiranya tiada penerima manfaat yang sah, MUIS boleh memasukkan harta berkenaan ke dalam Dana Endowmen Umum bagi manfaat masyarakat awam (Seksyen 62 AMLA). Pendekatan pengurusan yang berstruktur dan peraturan yang ketat oleh Singapura menyumbang kepada pelaksanaan wakaf yang lebih sistematik dan dapat dimanfaatkan untuk pembangunan sosioekonomi secara berterusan (Ulfa Pirmani et al. 2024).

Cabaran dan Potensi Pelaksanaan Wakaf *Zurri*

Walaupun terdapat pelaksanaan aktif di peringkat negeri dan contoh pengurusan yang sistematik di luar negara, pelaksanaan wakaf *zurri* di Malaysia masih berdepan pelbagai cabaran yang memerlukan perhatian khusus. Dari sudut perundangan, pelaksanaan wakaf *zurri* di Malaysia mempunyai asas yang kukuh melalui peruntukan negeri seperti Enakmen Wakaf Terengganu 2016 yang membenarkan pewakaf mewakafkan harta kepada waris, serta Artikel

3 Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam urusan tadbir aset wakaf (Mohd Ridzuan et al. 2020; Sri Wahyu Sakina et al. 2021). Namun, pelaksanaan wakaf *zurri* masih berdepan kekangan seperti ketiadaan piawaian pelaporan, dokumen pendaftaran aset, dan garis panduan pengurusan khusus. Muhammad Hamizan et al. (2024) menekankan keperluan rangka kerja undang-undang yang lebih komprehensif meliputi aspek pemilikan, pengurusan dan pewarisan, serta mencadangkan agar JAWHAR memperkenalkan panduan di peringkat nasional bagi menyokong MAIN dalam tadbir urus aset secara telus dan berkesan.

Dari sudut pelaksanaan, antara cabarannya adalah kesukaran dalam mengenal pasti waris penerima manfaat serta ketidakjelasan ikrar wakaf lama yang ditulis dalam tulisan jawi, sehingga memerlukan rujukan kepada Jawatankuasa Fatwa untuk tafsiran. Hasil wakaf yang rendah juga menimbulkan persepsi negatif dalam kalangan waris terhadap keberkesanan pengurusan wakaf (Mohd Ridzuan et al. 2020). Kekurangan pemahaman dalam kalangan waris terhadap konsep dan tujuan wakaf *zurri* merupakan cabaran utama yang menjejaskan pengurusan aset secara efisien. Ada waris yang ingin menjual tanah wakaf atau menyangka ia hanya sesuai untuk tujuan ibadat, menyebabkan kekeliruan serta menyukarkan usaha mengoptimumkan manfaat ekonomi oleh pihak berkuasa (Sri Wahyu Sakina et al. 2023; Muhammad Hamizan et al. 2024).

Dari aspek pentadbiran, ketiadaan prosedur operasi standard (SOP), kekeliruan garis panduan antara negeri, dan pelantikan nazir tanpa latihan profesional menyukarkan pengurusan yang telus dan efisien (Sri Wahyu Sakina et al. 2021; 2023; Taufiq & Muttaqin 2021). Pelantikan ahli keluarga sebagai nazir yang sering berlaku atas dasar kepercayaan dan kemudahan komunikasi turut menimbulkan isu profesionalisme terutamanya apabila proses penting seperti pensijilan tanah tidak disempurnakan (Taufiq & Muttaqin 2021). Selain itu, kekurangan piawaian pelaporan menyebabkan maklumat hasil dan agihan wakaf tidak dapat dipantau dengan baik oleh pewaris, sekali gus meningkatkan risiko penyalahgunaan dan pertikaian hak waris (Mohd Zaidi et al. 2023; Ratna & Nashrun 2022; Sri Wahyu Sakina et al. 2021).

Cabaran kewangan turut mengekang mengoptimumkan manfaat wakaf *zurri*. Aset wakaf *zurri* sering tidak produktif kerana keluasan tanah yang kecil dan kekurangan dana pembangunan. Muhammad Hamizan et al. (2024) mencadangkan penggunaan kaedah *istibdal* untuk menukar aset kurang produktif kepada aset yang mampu menjana pendapatan, manakala Sri Wahyu Sakina et al. (2023) mengesyorkan pelantikan konsultan wakaf dan penggubalan perjanjian khusus oleh MAIN untuk memastikan pembangunan aset dapat dilaksanakan secara strategik.

Meskipun pelaksanaannya masih berdepan pelbagai cabaran, beberapa pendekatan telah dicadangkan untuk mengoptimumkan potensi wakaf *zurri*. Antaranya termasuk model yayasan keluarga yang dicadangkan oleh Muhammad Hamizan et al. (2023) yang menggabungkan aktiviti ekonomi, latihan dan bantuan pendidikan kepada ahli keluarga pewakaf. Model ini turut merangkumi agihan manfaat iaitu 85% hasil wakaf disalurkan kepada waris dengan keutamaan kepada golongan miskin, pelajar dan individu kurang upaya (OKU), manakala 15% diserahkan kepada MAIN sebagai pemegang amanah.

Pendekatan ini berupaya memperkukuh ketahanan ekonomi keluarga, menjana pendapatan berterusan, melatih waris berdikari serta mengurangkan kebergantungan kepada

bantuan kerajaan terutamanya dalam keadaan ekonomi mencabar seperti pandemik (Muhammad Hamizan et al. 2023; Ratna & Nashrun 2022).

Dari segi pengurusan pula, Muhammad Hamizan et al. (2024) mencadangkan kerjasama strategik antara MAIN, sektor swasta dan agensi kerajaan bagi memastikan pembahagian manfaat yang seimbang serta pemeliharaan aset wakaf untuk generasi seterusnya. Wakaf *zurri* berpotensi menjadi alat pengurusan kekayaan keluarga yang berlandaskan syariah, dengan keupayaan membina solidariti sosial dan memperkukuh kestabilan ekonomi keluarga Islam. Namun, tahap kesedaran masyarakat yang masih rendah terhadap manfaatnya menjadi antara penghalang utama. Dengan sistem pengurusan yang cekap dan berstruktur serta promosi yang berkesan, wakaf *zurri* mampu berfungsi sebagai instrumen jangka panjang dalam memelihara kesejahteraan keluarga pewakaf dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi umat Islam (Ratna & Nashrun 2022; Sri Wahyu Sakina et al. 2021).

Analisis Sorotan Literatur

Sorotan literatur menunjukkan bahawa wakaf *zurri* merupakan salah satu instrumen pengurusan harta Islam yang diiktiraf sebagai instrumen yang berpotensi menyumbang kepada kesejahteraan keluarga serta memberi impak positif kepada pembangunan sosioekonomi. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya di Malaysia masih berdepan pelbagai kekangan. Beberapa negeri telah mengambil langkah melaksanakan wakaf *zurri* secara aktif, namun pendekatan tersebut dilaksanakan mengikut kerangka negeri masing-masing, tanpa satu dasar atau garis panduan yang seragam di peringkat nasional. Ketiadaan penyelarasan ini menyebabkan berlaku kepelbagaian pelaksanaan yang menjejaskan kecekapan pentadbiran dan kebolehpercayaan institusi wakaf.

Di samping itu, ketiadaan sistem pelaporan yang standard dan telus menimbulkan cabaran dalam pemantauan aset serta agihan manfaat kepada waris yang sah. Dalam sesetengah keadaan, pewakaf melantik nazir daripada kalangan ahli keluarga yang tidak memiliki kelayakan profesional dan sering dilakukan atas dasar kepercayaan peribadi serta kemudahan komunikasi. Kesannya, aspek penting seperti pematuhan undang-undang, pensijilan tanah, serta pelaporan kewangan sering diabaikan atau tidak disempurnakan secara sistematik. Hal ini menimbulkan risiko kepada integriti aset wakaf *zurri* dan membuka ruang kepada penyalahgunaan, pertikaian hak waris dan kehilangan nilai ekonomi wakaf. Keadaan ini menunjukkan keperluan kepada garis panduan yang lebih terperinci dan pelaksanaan mekanisme pemantauan yang sistematik.

Dari sudut penerimaan masyarakat, literatur menunjukkan bahawa tahap kefahaman terhadap konsep dan tujuan wakaf *zurri* masih rendah. Kekeliruan waris mengenai status tanah wakaf termasuklah kecenderungan untuk menjual aset wakaf atau menganggapnya hanya sesuai untuk tujuan ibadat bukan sahaja menimbulkan pertikaian tetapi juga membatasi peluang mengoptimumkan nilai ekonomi oleh pihak berkuasa. Isu ini semakin rumit dengan tahap literasi wakaf yang lemah dalam kalangan masyarakat umum, di mana pengetahuan tentang prosedur pentadbiran, hak dan tanggungjawab pewakaf serta penerima manfaat masih terbatas. Keadaan ini memberi implikasi bahawa tanpa strategi pendidikan awam yang sistematik dan berterusan, usaha pembaharuan di peringkat dasar atau institusi berisiko gagal mencapai

matlamat yang disasarkan kerana tahap penerimaan dan kerjasama masyarakat menjadi antara faktor penentu utama keberkesanan pengurusan wakaf *zurri*.

Pengalaman pentadbiran wakaf di Singapura yang dikawal sepenuhnya di bawah satu undang-undang nasional dan diurus oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) menjadi contoh bagaimana struktur pentadbiran yang berpusat dapat meningkatkan kawalan dan ketelusan. Keperluan pendaftaran rasmi, pelaporan tahunan, serta penguatkuasaan melalui penalti terhadap ketidakpatuhan dilaporkan dapat mengurangkan risiko salah urus dan memastikan pematuhan yang konsisten. Walaupun perbezaan konteks antara Malaysia dan Singapura wujud, pendekatan tersebut memberi gambaran bahawa penyeragaman dasar dan pemantapan penguatkuasaan boleh dipertimbangkan untuk memperkukuh tadbir urus wakaf *zurri*.

Beberapa cadangan penambahbaikan telah diketengahkan dalam kajian terdahulu, antaranya model yayasan keluarga dan kaedah istibdal yang memberi tumpuan kepada pemeliharaan serta penjanaan aset dengan keberkesanannya bergantung kepada sokongan rangka kerja undang-undang yang kukuh serta mekanisme penguatkuasaan yang konsisten. Pelantikan konsultan, penggunaan perjanjian khusus oleh MAIN dan kerjasama strategik antara MAIN, sektor swasta serta agensi kerajaan turut dilihat mampu meningkatkan kecekapan tadbir urus. Namun, tanpa piawaian pelaporan dan pemantauan yang seragam di peringkat nasional, keberkesanan langkah-langkah ini berpotensi terhad kepada projek tertentu sahaja. Selain itu, cadangan pembentukan panduan peringkat nasional oleh JAWHAR pula mempunyai potensi besar sebagai asas penyelarasan, namun literatur menunjukkan keperluan kepada perincian langkah pelaksanaan yang jelas agar ia dapat diterima dan dilaksanakan secara konsisten di semua negeri.

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan cadangan-cadangan ini masih pada tahap awal dan belum menyeluruh, menunjukkan keperluan untuk kajian lanjutan serta peluasan skala pelaksanaan bagi menjamin keberkesanan dan daya tahan serta relevansi jangka panjang wakaf *zurri* di Malaysia. Secara keseluruhan, keberhasilan pelaksanaannya memerlukan gabungan reformasi perundangan, pengukuhan kapasiti institusi dan penyelarasan mekanisme pengurusan yang digerakkan secara strategik, konsisten dan bersepadu di semua peringkat pentadbiran dan pelaksanaan.

Kesimpulan

Kajian literatur ini menegaskan bahawa wakaf *zurri* berpotensi menjadi instrumen penting dalam memelihara harta, memperkukuh hubungan kekeluargaan dan memberi sumbangan kepada pembangunan sosioekonomi umat Islam. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan, keberhasilan jangka panjang memerlukan pendekatan yang lebih bersepadu merangkumi penyelarasan dasar, pengukuhan institusi dan peningkatan kefahaman masyarakat.

Seiring dengan perkembangan semasa, penekanan terhadap tadbir urus yang telus, piawaian pelaporan yang seragam serta strategi pendidikan awam yang berterusan menjadi kunci bagi memastikan wakaf *zurri* terus relevan dan berfungsi pada skala yang lebih luas. Hal ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjut, khususnya dalam merangka model pelaksanaan yang sesuai dengan konteks perundangan dan sosial di Malaysia agar manfaatnya dapat dinikmati secara adil dan berterusan oleh generasi mendatang.

Rujukan

- Administration of Muslim Law Act* 1966 (The Statutes of the Republic of Singapore).
- Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (Kelantan) No. 4 Tahun 1994.
- Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 (Enakmen No. 1).
- Farhana Mohamad Suhaimi. 2018. Wakaf Ahli: Peruntukan Undang-Undang dan Pelaksanaannya di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law* 8(1): 73-81.
- Jasni Sulong & Muhammad Syamir Izzuddin Zulkifli. 2022. Pembangunan Wakaf Dhurri: Penubuhan syarikat keluarga ke arah kelestarian sumber ekonomi. *Journal Of Contemporary Islamic Law* 7(1): 26–34.
- Mohd Ridzuan Mohamad, Zurita Mohd Yusoff, & Nadhirah Nordin. 2020. Pelaksanaan Wakaf Zuriat Di Terengganu. *Malaysian Journal For Islamic Studies* 4(1): 107–114.
- Mohd Zaidi Daud, Mohd Norhusairi Mat Hussin, & Syed Alawi Mahdi Syed Mohamad. 2023. Pembangunan tamadun melalui Wakaf Keluarga: Analisis dari perspektif sejarah Islam. *Journal Of Al-Tamaddun* 18(2): 71–86.
- Mohd Zaidi Daud, Mohd Norhusairi Mat Hussin, & Syed Alawi Mahdi Syed Mohamad. 2023. Pembangunan tamadun melalui Wakaf Keluarga: Analisis dari perspektif sejarah Islam. *Journal Of Al-Tamaddun* 18(2): 71–86.
- Muh. Arief Budiman. 2022. Keabsahan dan pengelolaan Wakaf Ahli (Keluarga). *Jurnal Ekonomi dan Bisnis (Ekobis-DA)* 3(2): 20-23.
- Muhammad Abu Zuhrah .(1971). *Muhadarat fi al-Waqf*. cet. Ke-2, Kaherah: Dar Fikr al-Arabi, 1:7.
- Muhammad Hamizan Ab Hamid, Mohd Afandi Mat Rani, Ismail Ahmad, Faezy Adenan & Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif. 2023. The Development Of Waqf Zurri Through The Family Foundations Model. *Al-Qanatir: International Journal Of Islamic Studies* 30(2): 365–372.
- Muhammad Hamizan Ab Hamid, Mohd Afandi Mat Rani, Muhammad Syahrul Deen Ahmad Rosli, Faezy Adenan & Mohd Ridhuwan Remly. 2024. Empowering Families, Eradicating Poverty: Unleashing The Power Of Zurri Waqf In Malaysia. *Al-Qanatir: International Journal Of Islamic Studies* 33(3): 332–353.
- Muhammad Hamizan Ab Hamid, Mohd Afandi Mat Rani, Muhammad Syahrul Deen Ahmad Rosli, Faezy Adenan & Mohd Ridhuwan Remly. 2024. Enhancing Human Well-Being Through Zurri Waqf: A Sustainable Development Perspective. *Al-Qanatir: International Journal Of Islamic Studies* 33(3): 346–354.
- Murat Cizakca. 2000. *A History of Philanthropic Foundations: The Islamic World from The Seventh Century to The Present*. Istanbul: Bogazici University Istanbul.
- Nor Asiah Mohamad. 2018. A study on the socio-economic roles of Waqf Ahli (Family Waqf) in promoting family security and a sustainable family economy. *IIUM Law Journal* 26(1): 141-160.
- Nor Asiah Mohamad. 2018. Perkembangan terkini enakmen wakaf di Malaysia: Adakah komprehensif?. *KANUN: Jurnal Undang-Undang Malaysia* 30(2): 363-383.
- Perlembagaan Persekutuan. 2010. (cetakan semula). Putrajaya: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia.

- Ratna Suraiya & Nashrun Jauhari. 2022. Relevansi Wakaf Ahli dalam membangun ketahanan keluarga. *Tasyri': Journal Of Islamic Law* 1(2): 253–281.
- Sri Wahyu Sakina Ahmad Sanusi, Mohd Fairuz Md Salleh, & Salmy Edawati Yaacob. 2023. Pengurusan dan pelaksanaan Wakaf *Zurri* dalam institusi Wakaf Malaysia. *Jurnal Pengurusan* 67: 1–13.
- Sri Wahyu Sakina Ahmad Sanusi, Salmy Edawati Yaacob & Mohd Fairuz Md Salleh. 2021. Wakaf *Zurri*: Instrumen pengurusan harta dalam pembangunan tamadun Islam. *Journal Of Al-Tamaddun* 16(1): 139-152.
- Sri Wahyu Sakina Ahmad Sanusi, Salmy Edawati Yaacob & Mohd Fairuz Md Salleh. 2021. Family Waqf Practices: Early Insight On Special Attributes. Dlm. Muhammad Naqib Hamdan, Mohd Farhan Md Ariffin & Mohd Khairy Kamarudin (pnyt.). *Wacana Ilmu Sains Sosial & Pengajian Islam*, hlm. 113-122. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Taufiq Azizul Akbar & Muttaqin Choiri. 2021. Sociological analysis of Islamic Law On Waqf practices in Kyai Family in Bangkalan District. *Jurnal Ekonomi Manajemen Bisnis Dan Akuntansi Review* 1(2): 220–231.
- Tjek Tanti. 2013. Wakaf Ahli dalam konsep fikih tradisional. *Jurnal Al-Irsyad* 2: 81-91.
- Ulfa Pirmani, Edi Kurniawan & Najmi. 2024. From the debate on the legality of Waqf al-Ahli to it's implementation in Southeast Asia: Indonesia, Malaysia and Singapore. *International Journal of Law and Society (IJLS)* 3(2): 59-76.